



# KEJOHANAN BOLA JARING REMAJA & BELIA 2009

**STADIUM TERTUTUP PAROI,  
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN.**

**4 APRIL 2009**

**ANJURAN BERSAMA:**

**KELAB REMAJA IKATAN MUSLIMIN MALAYSIA  
(KRIM) NEGERI SEMBILAN**

**&**

**PERSATUAN BELIA ISLAM NASIONAL  
(PEMBINA) CAWANGAN SEREMBAN**

## OBJEKTIF PERTANDINGAN

Memiliki tubuh badan yang sihat dan minda yang cergas sangatlah dituntut di dalam Islam. Seperti mana pesan baginda Rasulullah SAW, *"Sesungguhnya Mukmin yang kuat lebih disukai Allah Taala daripada Mukmin yang lemah. Namun kedua-duanya ada kebaikan di sisi Allah."*Oleh kerana itu, aktiviti sukan dan riadah adalah penting kepada setiap manusia dalam membina kekuatan dan ketahanan fizikal.

Justeru, dalam usaha untuk menggalakkan golongan remaja perempuan Islam beriadah secara sihat, Kelab Remaja ISMA (KRIM) Negeri Sembilan dan Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) Cawangan Seremban, mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kejohanan Bola Jaring Remaja Dan Belia 2009 buat julung-julung kalinya. Objektif-objektif pengajuran adalah:

- Memupuk budaya bersukan untuk kesihatan tubuh badan dan minda khususnya di kalangan remaja dan belia.
- Mengeratkan hubungan persaudaraan Islam di kalangan peserta.
- Sebagai pencetus untuk terus melakukan aktiviti bersukan secara istiqamah pada masa-masa akan datang.
- Memupuk golongan remaja Islam perempuan yang bersukan dan beriadah dengan menutup aurat sepenuhnya.

## BUTIR-BUTIR KEJOHANAN

TARIKH : SABTU, 4 APRIL 2009  
TEMPAT : STADIUM TERTUTUP PAROI,  
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN  
MASA : 8.00 PAGI – 5.00 PETANG

## ATURCARA KEJOHANAN

07.45 PG PENDAFTARAN PESERTA  
08.10 PG UCAPAN ALUAN PENGERUSI MAJLIS  
08.15 PG BACAAN DOA  
08.20 PG TAKLIMAT RINGKAS KEJOHANAN OLEH PENGARAH  
08.30 PG UCAPAN PERASMIAN OLEH DR ZAINON YAHYA  
KETUA WANITA ISMA CAW SEREMBAN  
08.50 PG BACAAN IKRAR KEJOHANAN  
09.00 PG BERGERAK KE GELANGGANG PERLAWANAN  
09.30 PG PERLAWANAN PERINGKAT KUMPULAN  
01.25 PTG TAMAT PERINGKAT KUMPULAN / REHAT / SOLAT  
02.30 PTG PERLAWANAN SEPARUH AKHIR  
03.45 PTG PERLAWANAN AKHIR  
04.30 PTG MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH DAN PENUTUP  
05.00 PTG BERSURAI

## PERATURAN PERTANDINGAN

### PERATURAN ASAS

- Pemain/Penonton/Pengiring perlu memakai pakaian yang menutup aurat.

### PENDAFTARAN PEMAIN

- Setiap pasukan dikehendaki mendaftar kehadiran di meja urusetia di Stadium tertutup Paroi selewat-lewatnya pukul 8 pagi pada hari perlawanan dengan menggunakan borang yang disediakan.
- Yuran penyertaan adalah RM10 seorang atau RM100 satu pasukan.
- Pengundian perlawanan akan diadakan pada hari Khamis, 2 April 2009.

### FORMAT PERTANDINGAN

- Undang-undang perlawanan adalah selari dengan undang-undang kejohanan bola jaring kecuali kecuali sebarang perubahan yang dibuat oleh Jawantankuasa Penganjur dan dinyatakan dalam syarat-syarat pertandingan ini.
- Bilangan mata untuk pasukan yang menang ialah 3 dan tiada mata bagi yang kalah dan ditentukan berdasarkan jaringan tertinggi jika seri.
- Pusingan Kelayakan adalah secara Liga Kumpulan di mana 2 pasukan yang teratas di dalam setiap kumpulan akan layak ke pusingan Separuh Akhir.
- Sekiranya pasukan di tempat kedua dan ketiga di dalam kumpulan mempunyai mata yang sama, pasukan yang memiliki perbezaan jaringan terbanyak dikira layak menyertai peringkat Separuh Akhir.
- Format kalah mati akan digunakan dalam pusingan akhir.

### MASA PERTANDINGAN

- Setiap perlawanan akan berlangsung selama 4 minit setiap separuh masa dan 2 minit rehat kecuali untuk perlawanan peringkat akhir di mana perlawanan akan berlangsung selama 5 minit setiap separuh masa dan 3 minit rehat.

### PENGADILAN

- Keputusan pengadil berkenaan perkara perlawanan adalah muktamad dan tiada sebarang bantahan tentang keputusan pengadilan akan dilayan.

**Syarat-syarat pendaftaran dan peraturan kejohanan yang lengkap boleh didapati di laman web KRIM Negeri Sembilan di [www.krimns.wordpress.com](http://www.krimns.wordpress.com) atau laman web PEMBINA Negeri Sembilan di [www.pembinan9.wordpress.com](http://www.pembinan9.wordpress.com).**

**Hubungi wakil-wakil di bawah untuk sebarang pertanyaan dan urusan pendaftaran:**

#### **KRIM:**

Kaslawati Kassim

0196230101;anaksemut2003@yahoo.co.uk

#### **PEMBINA:**

Suria Irdayu Ahmad Zaidi

0192759117;irda\_sue@yahoo.com



KEJOHANAN BOLA JARING REMAJA & BELIA 2009

BORANG PENYERTAAN

- KATEGORI REMAJA (13 – 17 TAHUN)
- KATEGORI BELIA (18 – 25 TAHUN)

NAMA PASUKAN : \_\_\_\_\_  
ALAMAT : \_\_\_\_\_  
NO. TEL : \_\_\_\_\_ E-MEL : \_\_\_\_\_  
NAMA PENGURUS : \_\_\_\_\_

SENARAI PEMAIN:

| NO | NAMA & NO I/C | EMEL | NO. TEL |
|----|---------------|------|---------|
| 1  |               |      |         |
| 2  |               |      |         |
| 3  |               |      |         |
| 4  |               |      |         |
| 5  |               |      |         |
| 6  |               |      |         |
| 7  |               |      |         |
| 8  |               |      |         |
| 9  |               |      |         |
| 10 |               |      |         |

.....  
RESIT PEMBAYARAN

Dengan bayaran RM 100, kami ahli-ahli dari pasukan .....  
bersetuju untuk bermain dengan semangat ukhuwwah Islamiyyah hanya kerana mencari keredhaan Allah  
SWT bagi menjayakan Kejohanan Bola Jaring Remaja dan Belia 2009.

Diterima,

.....  
Sekretariat,  
Kejohanan Bola Jaring Remaja dan Belia 2009,  
KRIM & PEMBINA Seremban